

Rumah Besar Penghulu Raja Bilah di Papan dan Hubungannya dengan Masyarakat Mandailing di Perak 1896-1940

The Grand House of Penghulu Raja Bilah in Papan and Its Relationship with the Mandailing Society in Perak 1896-1940

Nor Haslinda Abdul Halim Khoo^{*} dan Yunus Sauman Sabin

Fakulti Sains Kemanusiaan, Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

^{*}Emel: haslindakhoo@gmail.com

Published: 15 December 2023

To cite this article (APA): Abdul Halim Khoo, N. H., & Sauman @ Sabin, Y. (2023). Rumah Besar Penghulu Raja Bilah di Papan dan Hubungannya dengan Masyarakat Mandailing di Perak 1896-1940. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15, 16–23. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.2.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.2.2023>

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang Rumah Besar Penghulu Raja Bilah di Papan yang dibina pada tahun 1896 dan hubungannya dengan masyarakat Mandailing di Perak sehingga 1940. Objektif utama kajian ini ialah membuktikan bagaimana kewujudan Rumah Besar tersebut sebagai simbol kepada penyatuan dan kekuatan masyarakat Mandailing di Perak semenjak akhir kurun ke-19. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi pendekatan sejarah iaitu mendapatkan bahan, menilai kesahihan, menganalisis kandungan dan seterusnya mensintesis bahan menjadi sebuah karya sejarah. Hasil penelitian menunjukkan bahawa Rumah Besar Penghulu Raja Bilah di Papan dibina selepas kehadiran masyarakat Mandailing dari Sumatera ke Ipoh pada tahun 1896 selepas Raja Bilah dilantik sebagai penghulu. Seni bina Rumah Besar ini menggunakan campuran kayu dan batu untuk menghasilkan struktur bangunan dua tingkat. Gaya seni bina Rumah Besar ini mengikut gaya seni bina Mandailing iaitu *Bagas Godang*. *Bagas Godang* bagi masyarakat Mandailing merujuk sebagai rumah kediaman seorang raja atau ketua marga. Bagi masyarakat Mandailing, raja tidak hanya berperanan sebagai ketua adat, tetapi mereka adalah orang yang dapat menyelesaikan berbagai masalah di permukiman adat tersebut. Rumah Besar ini juga pernah berfungsi sebagai tempat berkumpul masyarakat Mandailing dari pelbagai marga yang telah tersebar ke seluruh Perak seperti di Papan, Gopeng, Batu Gajah, Chemor dan Batang Padang. Kesimpulannya, Rumah Besar Raja Bilah ini telah berfungsi sebagai ikon kepada penyatuan dan kekuatan masyarakat Mandailing di Perak sebelum Perang Dunia Kedua. Walau bagaimanapun, pada hari ini, rumah tersebut semakin usang dan terbiar sepi. Oleh itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai sandaran dan panduan asas kepada mana-mana pihak yang mencintai sejarah dan warisan negara dalam usaha untuk memulihara Rumah Besar tersebut.

Kata kunci: Rumah Besar, Raja Bilah, masyarakat Mandailing, hubungan, Perak.

Abstract

*The article discusses the Grand House of Penghulu Raja Bilah in Papan, constructed in 1896, and its connection to the Mandailing society in Perak until 1940. The main objective of this study is to demonstrate how the existence of the Grand House symbolizes the unity and strength of the Mandailing community in Perak since the late 19th century. The study employs qualitative methods through a historical approach, involving data collection, authenticity assessment, content analysis, and synthesis to create a historical work. The research findings indicate that the Grand House of Penghulu Raja Bilah in Papan was built after the Mandailing community's arrival from Sumatra to Ipoh in 1896 following Raja Bilah's appointment as the penghulu. The architectural design of the Grand House incorporates a combination of wood and stone to create a two-story building structure. The architectural style follows the Mandailing style known as *Bagas Godang*, which, for the Mandailing people, refers to the residence of a king or the leader of a clan. In Mandailing society, a king not only serves as a traditional leader but also plays a role in resolving various issues within the community. The Grand House also served as a gathering place for the Mandailing community from various clans scattered across Perak, including Papan, Gopeng, Batu Gajah, Chemor, and Batang Padang. In*

conclusion, the Grand House of Raja Bilah has functioned as an icon of unity and strength for the Mandailing society in Perak before World War II. However, today, the house is increasingly aging and left abandoned. Therefore, this study can serve as a foundation and essential guide for anyone passionate about history and national heritage in efforts to preserve the Grand House.

Keywords: Grand House, Raja Bilah, Mandailing Society, relationship, Perak.

PENGENALAN

Rumah Besar Raja Bilah di Papan, Perak telah dibina pada tahun 1896. Suku Mandailing merupakan salah satu suku atau etnik yang memiliki rumah adat atau rumah raja yang dikenali sebagai *Bagas Godang* dan juga mempunyai satu tempat perhimpunan masyarakat yang dikenali sebagai *Sapo Godang*. Menurut Nasution (2005), tanda sebuah kampung Mandailing yang telah menjadi *bona bulu* adalah mempunyai *bagas godang* sebagai tempat tinggal raja dan *sapo godang* sebagai balai pertemuan serta ditanami pohon-pohon bambu, beringin, yang berfungsi sebagai benteng terhadap serangan musuh dari luar dan telah disesuaikan dengan ketentuan adat. Kedua-dua bangunan ini mempunyai peranan dan fungsinya yang tersendiri. *Bagas* membawa maksud Rumah dan *Godang* membawa erti Besar dalam bahasa Mandailing. Manakala *Sapo* membawa maksud Ruang atau Kawasan. *Sapo Godang* ialah ruang yang besar untuk ketua marga atau ketua adat mengadakan perbincangan dalam kalangan masyarakat Mandailing. Namun, berbeza dengan pembinaan rumah adat di Papan oleh Raja Bilah. Rumah Besar tersebut menggabungkan dua ciri utama tersebut di dalam satu bangunan. Pembinaan Rumah Besar Raja Bilah di Papan membuktikan bahawa masyarakat ini telah membawa adat dan budaya mereka dari Sumatera, Indonesia ke Tanah Melayu (Bugaran Antonius, 2006).

Latar Belakang

Dalam kajian ini, kawasan Papan akan menjadi tumpuan utama dalam membincangkan penglibatan masyarakat ini dalam aktiviti perlombongan bijih timah di negeri Perak kerana hasil dapatan awal petempatan masyarakat Mandailing lebih ramai di kawasan ini. Di Papan, Raja Billah telah dilantik menjadi Penghulu di kawasan tersebut. Pemimpin masyarakat Mandailing ini telah mendapat kepercayaan Residen British untuk mentadbir dan menguruskan kutipan cukai di Papan. Raja Billah telah membuka sebuah perkampungan masyarakat Mandailing di Papan dan turut membina sebuah Rumah Besar dan masjid di kawasan tersebut bagi memudahkan masyarakat setempat melakukan ibadah, dan juga aktiviti-aktiviti keramaian. Selain di Papan, masyarakat Mandailing turut mengusahakan perlombongan bijih timah secara kecil-kecilan di kawasan lain seperti di Slim. Rumah Besar tersebut ialah bangunan binaan dua tingkat yang campuran binaan dari bata dan kayu. Terbina di atas sebuah bukit dan jarak dari pekan Papan ke Rumah Besar ini hanya 500 meter sahaja. Masyarakat Mandailing yang menetap di Papan menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah sebelum kedatangan masyarakat Cina dan bersama-sama meneruskan aktiviti tersebut.

Namun, kajian bagi masyarakat Mandailing amat sedikit dan tidak begitu dikenali oleh masyarakat umum pada hari ini. Kajian-kajian sejarah masyarakat minoriti seperti kajian ini akan memberikan satu sumber pensejarahan yang baharu dalam pengkajian sejarah untuk maklumat akan datang. Oleh yang demikian, pengkajian terhadap Rumah Besar Raja Bilah ini dianggap sebagai satu kajian yang amat penting dan bernilai. Oleh itu, objektif penulisan ini ialah untuk meneroka bagaimana kewujudan Rumah Besar tersebut dan hubungannya dengan masyarakat Mandailing di Perak pada tahun 1896-1940. Kajian ini bermanfaat kepada penyelidik sejarah yang ingin mengkaji monumen sejarah di Lembah Kinta. Rumah Besar Raja Billah merupakan monumen sejarah yang perlu dipelbagaikan sumber rujukan untuk masa hadapan. Penulisan ini juga turut penting dalam memberikan sumbangan kepada peneroka isu-isu baharu dalam sejarah Malaysia. Penerokaan terhadap isu tersebut baharu dalam sejarah Malaysia dapat diketengahkan menjadi sumber rujukan. Sumber rujukan ini dapat diketengahkan serta dapat menjadi panduan kepada penyelidik kelak.

SOROTAN LITERATUR

Kajian ini mengambil dua buah buku sebagai sorotan kajian lepas. Buku pertama berjudul *Raja Billah and The Mandailing in Perak: 1875-1911* yang ditulis oleh Abdur-Razzaq dan Khoo Salma (2003). Dalam buku ini menjelaskan tentang sejarah pembinaan Rumah Besar Raja Billah di Papan. Buku ini juga menghuraikan tentang struktur bangunan Rumah Besar tersebut dan fungsi setiap ruang yang terdapat di dalam bangunan itu. Buku yang kedua ialah hasil penulisan Pandapotan Nasution (2005) yang berjudul *Adat Budaya Mandailing dalam Tantangan Zaman*. Buku ini membincangkan tentang adat dan budaya Mandailing di Indonesia. Dalam menjadi rujukan kepada penulisan ini, buku tersebut menjelaskan tentang lambang-lambang yang perlu ada pada sebuah rumah Ketua Marga Mandailing. Buku ini turut menjelaskan struktur Rumah Besar dan fungsinya kepada masyarakat Mandailing.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan sejarah adalah satu tindakan untuk menyusun masa lalu bagi menghasilkan pemahaman supaya dapat menjelaskan tentang bagaimana generasi terdahulu menyelesaikan masalah dengan keterbatasan ruang dan peluang ketika itu. Garraghan (1952) mendefinisikan kaedah penyelidikan sejarah sebagai prinsip dan kaedah yang sistematik yang digubal bagi mengumpul sumber sejarah secara berkesan untuk dikaji dan dianalisis. Dalam usaha untuk memperoleh kebenaran tersebut, Garraghan telah mencadangkan empat langkah yang perlu dilakukan oleh seorang pengkaji sejarah iaitu mengumpulkan sumber sejarah secara berkesan berlandaskan kepada kaedah yang betul. Kedua, menilai sumber sejarah tersebut secara kritis melalui kritikan dalaman dan luaran bertujuan untuk memastikan fakta yang diperolehi adalah sah dan juga diperolehi dari sumber yang tulen. Ketiga, memberikan interpretasi dan analisis terhadap sumber untuk memahami makna yang sebenarnya dari bukti-bukti sejarah yang dijumpai. Terakhir, membentangkan hasil yang diperolehi dalam bentuk tulisan (historiografi). Pandangan dan kaedah yang dikemukakan oleh Garraghan ini turut disokong oleh Gottachalk (1986).

Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif yang dikemukakan oleh Garraghan (1952) iaitu mendapatkan bahan, menilai kesahihan, menganalisis kandungan dan seterusnya mensintesis bahan menjadi sebuah karya sejarah. Sumber yang digunakan dalam kajian ini meliputi sumber primer seperti dokumen yang diperolehi daripada Arkib Negara dan Arkib Negeri Perak. Dokumen ini adalah seperti *Perak Government Gazette*. Seterusnya, kajian ini juga menggunakan kaedah sumber sekunder seperti buku, penerbitan rasmi, jurnal dan penulisan lain yang diterbitkan seperti surat khabar dan majalah. Sumber sekunder ini turut membantu pengkaji dalam menilai pandangan penulis sebelumnya bagi melengkapi pengkajian sejarah ini. Sumber sekunder ini diperolehi di Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Za'Ba Universiti Malaya (UM) dan pencarian jurnal dalam talian. Sumber sekunder yang dikumpulkan membantu dalam menyokong hujah, mendapatkan pandangan meyeluruh tentang kajian yang telah dilaksanakan, sumber yang telah digunakan dalam kajian tersebut, bentuk analisis dan corak penulisan yang telah digunakan dalam menghasilkan kajian ini. Selain itu, ia juga turut membantu dalam mengenal pasti kedudukan kajian yang dijalankan dengan lebih tepat dalam mencari ruang bagi membentuk hala tuju kajian ini.


DAPATAN KAJIAN

Penempatan masyarakat Mandailing di Papan, Perak telah dimulakan oleh Raja Bilah (Abdur-Razaq & Khoo Salma, 2003). Raja Billah merupakan anak saudara kepada Raja Asal. Raja Asal ialah seorang tokoh masyarakat Mandailing yang telah berhijrah ke Tanah Melayu. Rentetan daripada peristiwa perang Perak, Raja Bilah dianugerahi kawasan perlombongan bijih timah di Papan sehingga memiliki lombong bijih timah yang terbesar di Perak (Khoo, 1991). Pihak British telah melantik beliau sebagai penghulu yang pertama. Raja Bilah merupakan penghulu yang paling lama berkhidmat. Beliau dan masyarakat Mandailing membangunkan Papan sebagai pekan perlombongan bijih timah yang terkemuka pada akhir abad ke-19 dengan bantuan orang Cina yang datang bersama dari Selangor (Gullick, 1960). Beberapa kemudahan atas seperti rumah besar, masjid dan tanah perkuburan disediakan oleh Raja Bilah untuk melengkapkan

kemudahan bagi masyarakat Mandailing yang menetap di Papan (Abdur-Razaq & Khoo Salma, 2003). Pada tahun 1894, beliau dilantik sebagai ahli *Sanitary Board* Batu Gajah.

Rumah Besar Raja Bilah telah siap dibina pada tahun 1896. Kompleks Rumah Besar ini terdiri daripada sebuah rumah agam yang dikenali sebagai *Bagas Godang* dan sebuah rumah kayu yang dikenali sebagai Rumah Asal oleh waris Raja Bilah yang masih menetap di situ (Abdur-Razaq & Khoo Salma, 2003). Dalam kebudayaan Mandailing, kompleks Rumah Tradisional Mandailing ini merupakan salah satu budaya dan warisan yang unik bagi masyarakat ini. *Bagas Godang* yang dibina ini membawa maksud Rumah Besar dan berfungsi sebagai kediaman seorang raja atau Ketua Marga (Nasution, 2005). Rumah Besar ini telah dibina oleh tukang-tukang Mandailing serta pengikut-pengikut Raja Bilah. Kompleks Rumah Besar ini juga dilengkapi dengan tembok serta pintu gerbang masuk ke kawasan tersebut (Abdur-Razaq & Khoo Salma, 2003). Ia juga dikenali sebagai Kota Papan oleh penduduk setempat. Fungsi utama Rumah Besar ini selain daripada sebagai kediaman raja, ia turut berperanan sebagai tempat untuk masyarakat ini mengadakan majlis keramaian seperti melangsungkan majlis perkahwinan, tempat berkumpul ketika perayaan dan juga sebagai tempat perlindungan bagi anggota masyarakat setempat sekiranya berlaku peperangan.

Raja Bilah juga merupakan Ketua Marga bagi masyarakat Mandailing (Nasution, 2005). Dalam budaya Mandailing Ketua Marga ialah ketua bagi suku kaum tersebut. Oleh kerana British telah melantik Raja Bilah menjadi penghulu pada ketika itu, maka, masyarakat Mandailing turut membina Rumah Besar tersebut bagi melambangkan Raja Bilah sebagai Ketua Marga mereka. Penulisan ini menjelaskan bahawa adat dan budaya masyarakat Mandailing ini turut diaplikasikan di Tanah Melayu setelah mereka berhijrah dari Sumatera.



PANDANGAN HADAPAN

Rajah 1: Pandangan Hadapan Rumah Besar

Rajah 1 di atas menunjukkan reka bentuk Rumah Besar dari pandangan hadapan. Rumah Besar ini terbina dengan campuran batu dan kayu. Bahagian hadapan rumah berbentuk anjung lima segi dan telah diubahsuai mengikut persekitaran rumah-rumah banglo di Perak pada zaman tersebut. Rumah Besar ini sangat berbeza dengan seni binaan yang asal di Tanah Mandailing, Sumatera. Bumbung Rumah Besar ini telah diubah suai mengikut seni bina Belanda. Seni binaan asal bumbung *Bagas Godang* hampir sama dengan seni binaan bumbung rumah Minangkabau yang berbentuk panjang (Putri Lynna et al., 2014). Namun, masih terdapat unsur-unsur tradisional Mandailing dalam seni bina Rumah Besar ini contohnya pintu masuk Rumah Besar ini menggunakan kayu yang telah diukir lambang-lambang kediaman raja Mandailing pada pintu tersebut. Ukiran lambang raja pada pintu utama dapat dilihat pada Rajah 2.



Rajah 2: Pintu utama Rumah Besar

Bagas Godang yang berfungsi sebagai kediaman raja mempunyai simbol atau lambang raja mengikut adat dan budaya Mandailing. Dalam bahasa Mandailing, simbol atau lambang disebut *Bolang* yang memiliki makna-makna yang sangat mendalam bagi masyarakat Mandailing (Nasution, 2005). Di dalam *Bolang* terkandung nilai, gagasan, konsep, norma, hukum dan ketentuan adat istiadat yang menjadi landasan dan pegangan dalam mengharungi bahtera kehidupan (Nasution, 2005). *Bolang* tradisional Mandailing menggunakan perlambangan dari tiga unsur iaitu menggunakan simbol atau lambang tumbuh-tumbuhan dan alam seperti batang buluh, bulan, bintang dan matahari. Kedua, menggunakan unsur haiwan atau binatang seperti kala jengking atau lipan, dan yang ketiga menggunakan unsur peralatan kegunaan harian seperti timbangan atau pedang (Nasution, 2005). Ukiran pada pintu utama mempunyai dua lambang raja yang telah diukir bagi mengekalkan tradisi Mandailing tersebut. Lambang ialah ukiran simbol bulan dan bintang. Simbol bulan membawa maksud bahawa sifat seorang raja perlu mengetahui tentang peredaran bulan dan berdasarkan petunjuk tersebut seorang raja dapat mengetahui bulan dan hari yang baik untuk memberikan maklumat yang tepat kepada masyarakat dalam menentukan hari yang baik untuk turun ke sawah, melangsungkan majlis perkahwinan, hari baik untuk berperang dan sebagainya. Simbol ini menunjukkan kekuatan seorang raja dalam memimpin masyarakat supaya patuh dan taat mengenai keputusan yang telah dibuat. Seterusnya, simbol bintang membawa maksud fungsi seorang raja untuk memberikan nasihat dan panduan kepada masyarakat seperti melihat bintang sebagai panduan dalam meneruskan pelayaran ketika di laut (Nasution, 2005). Sebagai raja yang berperanan dalam membentuk masyarakat harmoni dan membawa perkembangan masyarakat ke arah hala tuju yang membina, terletaknya simbolik bintang yang terdapat pada pintu utama tersebut.



Rajah 3 : Pintu Gerbang komplek Rumah Besar Raja Bilah

Dengan pembinaan Rumah Besar tersebut, Raja Bilah sebagai penghulu di Papan telah menggunakan kompleks rumah adat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab beliau sebagai penghulu dan juga sebagai ketua adat bagi masyarakat Mandailing di Perak (Abdur-Razaq & Khoo Salma, 2003). Semua aktiviti adat dan budaya Mandailing dilaksanakan di Rumah Besar ini. Secara tidak langsung, Rumah Besar ini telah menjadi tempat tumpuan masyarakat Mandailing di Perak untuk berkumpul dan mengeratkan silaturrahim sambil meneruskan dan mengamalkan adat dan budaya mereka. Kewujudan kompleks Rumah Besar sebagai Kota Papan juga turut memudahkan urusan pentadbiran Raja Bilah sebagai Penghulu di kawasan tersebut.

Masyarakat Mandailing mempunyai kelebihan berbanding dengan masyarakat minoriti yang lain seperti masyarakat Jawa. Contohnya, masyarakat Jawa tidak mempunyai kompleks kediaman raja yang khusus untuk mereka berkumpul dan meneruskan aktiviti serta adat istiadat mereka. Rumah Besar ini telah menjadi kekuatan dalam mengukuhkan silaturrahim masyarakat Mandailing dari seluruh negeri perak pada zaman tersebut. Dengan kewujudan Rumah Besar tersebut, ia memudahkan masyarakat Mandailing untuk berkumpul dan mengadakan majlis keramaian serta perbincangan berkaitan adat dan istiadat Mandailing di Perak. Antara majlis keramaian yang sering dilaksanakan di Rumah Besar tersebut ialah majlis perkahwinan masyarakat Mandailing dari seluruh marga di Perak pada zaman tersebut. Rumah Besar menjadi tumpuan untuk masyarakat Mandailing berkumpul dan berbincang mengenai adat dan budaya dalam perkahwinan Mandailing. Budaya dan adat perkahwinan Mandailing terus diamalkan oleh semua marga Mandailing di Perak (Raja haji Muhammad Ya'qub, 1934).



Rajah 4 : Masyarakat Mandailing dan juga masyarakat setempat berkumpul di Rumah Besar Raja Bilah.



Rajah 5: Bentuk Rumah Besar Raja Bilah dari hadapan

KESIMPULAN

Rumah Besar ini pernah berfungsi sebagai tempat berkumpul masyarakat Mandailing dari pelbagai marga yang tersebar ke seluruh negeri Perak seperti di Papan, Gopeng, Batu Gajah, Chemor dan Batang Padang. Sebagai kesimpulannya, Rumah Besar Raja Bilah ini telah menghubungkan masyarakat ini. Malah turut berfungsi sebagai ikon kepada penyatuan dan kekuatan masyarakat Mandailing di Perak sebelum Perang Dunia Kedua. Walau bagaimanapun, pada hari ini, rumah tersebut semakin using dan terbiar sepi. Justeru, kajian ini boleh dijadikan sebagai sandaran dan panduan asa kepada mana-mana pihak yang mencintai sejarah dan warisan negara dalam usaha untuk memulihara Rumah Besar tersebut.

RUJUKAN

- Abdur-Razaq, L., & Khoo Salma, N. (2003). *Raja Bilah and the Mandailing in Perak: 1875-1911*. Petaling Jaya: MBRAS.
- Bugaran Antonius, S. (2006). *Struktur sosial dan sistem politik Batak Toba hingga 1945: Suatu pendekatan Sejarah, Antropologi Budaya Politik*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Garraghan, G. J. (1952). *A guide to historical method*. New York: Fordham UP.
- Gottachalk, L. (1986). *Mengerti sejarah*. (Terj: Nugroho Notosusanto). Jakarta: UI Press.
- Gullick, J. M. (1960). *A history of Selangor 1742-1957*. Singapore: Eastern Universities Press Ltd.
- Khoo, K. K. (1991). Taiping (Larut) : The early history of a Mining Settlement. *Journal of the Straits Branch Royal of the Asiatic Society (JSBRAS)*.
- Nasution, P. (2005). *Adat budaya Mandailing dalam tantangan zaman*. Sumatera Utara: FORKALA.
- Putri Lynna A. L., Irma Novrianty, N., & Kemala, J. (2014). Struktur Bangunan Tradisional Mandailing. *Jurnal Saintika*, 14(2), 141-149.
- Raja haji Muhammad Ya'qub (1934). *Tarikh Raja Asal dan keluarganya*. Perak: Unknown.